

19 DEC 1996

Duta-Mesej

PEMBERONTAK GUNA TEBUSAN UNTUK DESAK KERAJAAN FUJIMORI

KUALA LUMPUR, 19 Dis (Bernama) -- Gerila Peru telah memberitahu duta-duta asing yang menjadi tebusan mereka supaya meminta kerajaan masing-masing memujuk kerajaan Presiden Alberto Fujimori berunding dengan mereka, menurut Duta Malaysia yang turut ditahan Ahmad Mokhtar Selat.

Ahmad Mokhtar, yang masih menjadi seorang daripada kira-kira 200 tebusan pemberontak di kediaman Duta Jepun di Lima, Peru telah menghantar permintaan gerila itu dalam mesejnya kepada Wisma Putra.

Menteri Luar Datuk Abdullah Haji Ahmad Badawi berkata Ahmad Mokhtar telah menelefon mesej itu kepada Setiausaha Pertama Kedutaan Besar Malaysia di Peru, Nazarudin Salleh pada pukul 12.12 tengah hari waktu tempatan (2.12 pagi waktu Malaysia).

Nazarudin kemudian menghantarnya kepada Wisma Putra awal pagi ini, katanya kepada pemberita dalam satu taklimat kepada wakil media mengenai perkembangan di sana.

Katanya Ahmad Mokhtar dalam mesej itu juga berkata setakat ini kerajaan Fujimori enggan memberi kenyataan terhadap tuntutan pengganas yang merupakan anggota kumpulan Pergerakan Revolusi Tupac Amaru.

Mereka menuntut pembebasan rakan-rakan mereka yang dipenjarakan sebagai ganti kepada pelepasan semua tebusan.

Segerombolan gerila itu menawan kediaman Duta Jepun semalam dan menjadikan tebusan beberapa ratus orang yang menghadiri satu majlis keraiian menyambut ulangtahun Maharaja Akihito.

Kira-kira 80 wanita dan beberapa orang tua dibebaskan kemudian.

Abdullah berkata pengganas juga meminta supaya pasukan keselamatan Peru mengurangkan tekanan terhadap mereka kerana akibat tekanan pihak polis, dua pengganas telah tercedera dan mereka meminta bantuan perubatan daripada pasukan Palang Merah.

Ahmad Mokhtar turut menyatakan bahawa beliau sihat dan setakat ini pengganas memberi layanan baik kepada semua tebusan.

Mengenai reaksi Malaysia terhadap permintaan pengganas itu, Abdullah berkata surat Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad yang dihantar kepada Presiden Fujimori mengenai perkara itu semalam adalah jelas dan cukup.

Dalam suratnya Dr Mahathir menyatakan kebimbangan mengenai keselamatan tebusan dan meminta Fujimori mengambil langkah sewajarnya memastikan pembebasan mereka dan tiada nyawa terkorban.

Abdullah berkata kerajaan akan sentiasa meneliti perkembangan kejadian itu dari semasa kesemasa.

Mengenai perkembangan terbaru, empat duta dibebaskan oleh pengganas, Abdullah berkata pembebasan mereka mungkin bertujuan memberi lebih tekanan kepada kerajaan masing-masing supaya memujuk kerajaan Fujimori mengadakan rundingan.

Sehingga kini menurut laporan Reuters selain duta Malaysia, duta lain yang masih ditahan di kalangan kira-kira 250 tebusan ialah Austria, Bolivia, Brazil, Bulgaria, Kanada, Cuba, Jerman, Greece, Guatemala, Jepun, Panama, Poland, Romania, Korea Selatan, Sepanyol, Venezuela dan Kesatuan Eropah. tara kira-kira 250 yang masih menjadi tebusan pengganas. -- BERNAMA

AKT RON